

29 OCT 1998

Mahathir-Pelaburan

BRUNEI MUNGKIN LABUR DALAM BEBERAPA SYARIKAT MALAYSIA, KATA MAHATHIR

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Brunei mungkin akan melabur dalam beberapa syarikat di Malaysia dalam bidang hartanah dan perhotelan.

Kata beliau, negara yang kaya dengan minyak itu telah menunjukkan minat untuk melabur dalam syarikat-syarikat tempatan.

"Kita mengalu-alukan banyak pelaburan daripada Brunei," kata beliau pada sidang berita selepas mengadakan pertemuan empat mata dengan Sultan Hassanal Bolkiah yang juga Perdana Menteri Brunei di Istana Nurul Iman di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama tiba di sini hari ini dalam rangka lawatan kerja dua hari. Beliau diiringi oleh isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata Brunei sebelum inipun telah bersetuju untuk meningkatkan pelaburannya di Malaysia.

Tetapi oleh kerana krisis ekonomi dan kewangan yang melanda rantau ini, tidak banyak perkembangan yang telah dilihat dalam usaha ke arah itu, kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berharap perkembang dalam pelaburan Brunei itu akan dapat dilihat mulai sekarang.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Brunei bagi lapan bulan pertama tahun ini ialah RM595.7 juta berbanding dengan RM830.8 bagi keseluruhan tahun 1997.

Selain pelaburan, kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan mengenai beberapa perkara dua hala yang perlu diselesaikan.

Antaranya ialah perjalanan antara Brunai dan Miri di Sarawak yang menurut Dr Mahathir memerlukan penggunaan pasport oleh rakyat Malaysia dan Brunei "sehingga pasport mereka perlu dicop sebanyak 16 kali (dua hala)."

"Kita setuju merundingkannya dan mungkin kita akan menggunakan 'smart card (kad pintar)' untuk tujuan itu," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga mengalu-alukan kemasukkan lebih banyak pelajar Brunei untuk meneruskan pendidikan mereka di Malaysia.

Ketika ditanya mengenai situasi di Malaysia oleh seorang wartawan Malaysia yang bekerja untuk sebuah akhbar Brunei, Dr Mahathir berkata keadaan di Malaysia tidaklah seperti yang digambarkan oleh media asing seperti CNN dan CNBC.

"Kita tidak nafi ada demonstrasi...tetapi ia tidak seperti yang digambarkan oleh media asing," kata beliau.

Mengenai sama ada kerajaan akan melantik perunding perhubungan awam untuk menangkis berita palsu dan negatif media asing, beliau berkata cara yang sesuai ialah dengan menarik lebih banyak orang asing, termasuk pelabur dan media asing untuk melawat Malaysia bagi melihat sendiri situasi di Malaysia.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan terhadap media asing yang menyiarkan berita palsu mengenai Malaysia seperti yang dilakukan oleh Singapura, Dr Mahathir berkata "ia adalah satu pilihan yang belum lagi kami pertimbangkan."

Sebelum ini, dalam pertemuannya dengan rakyat Malaysia di Brunei, beliau telah menerima sumbangan lebih RM50,000 daripada mereka dan beberapa syarikat milik rakyat Malaysia untuk Dana Khas Negara.

--BERNAMA

ES WAT